

18 DEC 2000

MBM SOKONG KENYATAAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) menyokong penuh kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang meminta semua pihak menghentikan segera retorik perkauman, tuntutan sensitif dan perbuatan cabar mencabar.

Presidennya Saifuddin Abdullah berkata, sebagai badan yang mempunyai 37 persatuan gabungan yang mewakili pelbagai kaum, MBM sentiasa memandang serius isu-isu yang boleh menimbulkan ketidaksefahaman kaum di negara ini.

"MBM sentiasa berpegang kepada pendirian bahawa segala isu yang berhubung dengan kaum-kaum yang pelbagai di negara ini mestilah dibincangkan dan ditangani secara rasional, tenang dan bijaksana," katanya dalam kenyataan di sini.

Saifuddin berkata exco kanan MBM yang terdiri daripada pelbagai kaum telah memutuskan untuk tidak menyokong tuntutan oleh segelintir kaum Cina baru-baru ini kerana ia boleh menggugat hak dan keistimewaan Melayu dan Bumiputera yang merupakan majoriti rakyat negara ini.

"Pada waktu yang sama, orang Melayu dan Bumiputera tidak perlu menambah hak istimewa mereka. Hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera dijamin oleh perlembagaan negara," katanya.

Saifuddin berkata MBM menganggap isu tuntutan itu telah selesai dengan penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen pada 11 Dis lepas.

-- BERNAMA
AFY AHH MAI